

# Tender Tabung Haji telus

**K**UALA LUMPUR: Tabung Haji sebagai agensi kerajaan terikat proses tender secara telus dengan mengambil kira keperluan keseluruhan sesuatu tender terabit termasuk memberi peluang kepada pesaing yang mempunyai keupayaan dalam sesuatu tender termasuk anak syarikat sendiri.

Menurut kenyataan sumber Tabung Haji, tender berkenaan melalui semua proses penilaian dalaman dan dijalankan dengan telus.

"Syarikat dipilih mestilah memenuhi kriteria utama iaitu memenuhi keperluan teknikal, fungsi dan sokongan, seterusnya penilaian harga turut dipertimbangkan.

"Bagi tender Sistem Pengurusan Queue (Queue Management System), syarikat Bumiputera yang mendakwa teraniaya selepas diberikan projek perintis, namun selepas itu tidak berpeluang mendapat tender sebenarnya tidak dapat memenuhi keper-

luan secara keseluruhan," katanya menerusi e-mel di sini, semalam.

Akhbar semalam melaporkan kenyataan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) yang menggesa Tabung Haji lebih proaktif membangunkan ekonomi ummah menerusi pengagihan projek secara lebih adil kepada syarikat berstatus Bumiputera bagi mencapai hasrat itu.

Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johan, berkata pihaknya menerima banyak aduan rasa tidak puas hati usahawan atau kontraktor mempunyai sejarah perniagaan dengan Tabung Haji.

Syarikat berkenaan mendakwa dipilih menjalankan projek perintis di cawangan Tabung Haji, tetapi selepas enam bulan Lembaga Anugerah Tender Tabung Haji tidak memilih syarikat berkenaan, sebaliknya diberikan kepada syarikat tidak memenuhi spesifikasi tender.